



[General](#)

UMPSA terus cemerlang tersenarai Shanghai Ranking's Global Ranking of Academic Subjects 2026

15 September 2026

PEKAN, 15 September 2026 - Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA) terus cemerlang dalam bidang akademik dan penyelidikan apabila buat pertama kalinya tersenarai dalam *Shanghai Ranking's Global Ranking of Academic Subjects (GRAS) 2026* bagi subjek *Energy Science & Engineering* yang diumumkan hari ini.

Dalam penarafan *GRAS 2026* menyaksikan Subjek *Energy Science & Engineering* UMPSA berada pada kedudukan 301-400 terbaik dunia.

GRAS menilai prestasi universiti di seluruh dunia berdasarkan beberapa indikator utama meliputi *World-Class Faculty, World-Class Output, High-Quality Research, Research Impact* dan *International Collaboration*.

Pencapaian ini mengekalkan kedudukan UMPSA sebagai universiti teknologi nombor 1 terbaik dalam kalangan Rangkaian Universiti-universiti Teknikal Malaysia (MTUN).

UMPSA turut berada antara tujuh terbaik di Malaysia bagi bidang berkenaan, sekali gus mencerminkan kecemerlangan universiti dalam memperkukuh penyelidikan berkaitan tenaga dan teknologi mampan dan penyelesaian berorientasikan masa depan.

Congratulations

Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah

Global Ranking of
Academic Subjects 2026



SHANGHAI
RANKING

Subject:

**Energy Science &
Engineering**



301-400

World



3-7

Malaysia

Menurut Naib Canselor UMP SA, Profesor Ts. Dr. Yatimah Alias, pencapaian ini merupakan pengiktirafan terhadap usaha kolektif seluruh warga universiti yang sentiasa berusaha meningkatkan kualiti pendidikan, memperkasa inovasi dan melahirkan graduan berdaya saing di peringkat global.

“Lebih membanggakan, UMP SA turut menunjukkan prestasi yang memberangsangkan dalam indikator utama penilaian GRAS bagi bidang berkenaan.

“Bagi indikator International Collaboration, UMPSA berada pada kedudukan ke-74 terbaik dunia, manakala World-Class Faculty menyaksikan universiti berada pada kedudukan 140-147 dunia.

“Kolaborasi strategik UMPSA dengan rakan strategik antarabangsa dan industri banyak menyumbang dan membantu kepakaran termasuk program mobiliti staf dalam mempertingkatkan kualiti akademik serta penyelidikan,” ujarnya.

Tambah beliau lagi, ini termasuklah program kerjasama ijazah dual antara UMPSA dan Beijing Jiaotong University (BJTU) yang telah terjalin sejak tahun 2021.

“Program Ijazah Dual UMPSA-BJTU yang memasuki kohort kelima telah melahirkan graduan yang kini menyumbang kepada pembangunan industri rel di Malaysia.

“Lain-lain termasuklah program kerjasama dengan Tianjin University, Hebei University (HBU) dan Ningxia University.

“Sehingga kini, UMPSA satu-satunya universiti awam (UA) yang melaksanakan 13 program ijazah dual, membabitkan rakan strategik dari Jerman, China, Korea Selatan dan Kazakhstan.

“Pelajar memperoleh dua ijazah daripada dua institusi berbeza, sekali gus meningkatkan daya saing global pelajar,” ujarnya.

Sementara itu, bagi indikator Research Impact, UMPSA menduduki tempat ke-231 dunia yang memperlihatkan kekuatan hasil penyelidikan universiti dalam bidang *Energy Science & Engineering*.

Kejayaan ini membuktikan komitmen berterusan UMPSA dalam memperkukuh kecemerlangan akademik, penyelidikan berimpak tinggi, pengantarabangsaan serta hubungan strategik dengan industri, selaras dengan aspirasi universiti untuk menjadi Hab TVET Termaju menjelang tahun 2030.

Ujarnya, sebagai universiti terbaik Rangkaian Universiti-universiti Teknikal Malaysia (MTUN), pencapaian ini yang amat membanggakan dan mencerminkan kekuatan ekosistem pendidikan, penyelidikan dan kolaborasi industri yang dibangunkan UMPSA.

“Dalam pada itu, UMPSA juga bekerjasama dengan industri strategik dan kerajaan negeri yang bakal menjadi pemangkin kepada lebih banyak penyelidikan bersama, pertukaran kepakaran, pembangunan bakat, penerbitan serta peluang mendapatkan geran kompetitif antarabangsa.

“Kejayaan ini turut menjadi pemangkin untuk UMPSA terus memperkukuh reputasi sebagai universiti teknologi dan kejuruteraan bertaraf dunia dalam menyumbang kepada pembangunan negara melalui pendidikan TVET termaju.

“Malah, pencapaian ini amat bermakna tatkala universiti ini bakal meraikan Sambutan Jubli Perak UMPSA menjelang Ulang Tahun UMPSA Ke-25 pada tahun depan,” katanya.

Kekuatan UMPSA dalam bidang *Energy Science & Engineering* ini turut menggabungkan kepakaran akademik, penyelidikan dan kerjasama industri bagi menghasilkan teknologi yang menyokong peralihan ke arah tenaga lebih bersih dan mampan yang semakin penting dalam mendepani cabaran global berkaitan sekuriti tenaga, perubahan iklim, kecekapan tenaga serta pembangunan teknologi hijau.

Tambah beliau, UMPSA kini beraspirasi menjadi Hab TVET Termaju Asia Pasifik menjelang tahun 2030 dan universiti teknologi terunggul menjelang tahun 2050.

“Justeru, bagi mencapai hasrat ini, UMPSA akan terus memperkukuh jaringan antarabangsa khususnya dengan institusi yang berkongsi komitmen terhadap pendidikan praktikal, relevan dan selari dengan keperluan industri serta agenda kelestarian,” jelasnya.

Disediakan Oleh: Mimi Rabita Abd Wahit, Pusat Komunikasi Korporat

TAGS / KEYWORDS

[Shanghai Ranking's Global Ranking of Academic Subjects 2026](#)

- 16 views

[View PDF](#)